

08 MAY 2003

Mahathir-L/Terbang

MAHATHIR LAWAT TERMINAL BARU L/TERBANG MIRI

MIRI, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan singkat ke terminal baru Lapangan Terbang Miri bernilai RM220 juta di sini selepas tiba dari penempatan Long Bedian di Baram petang ini.

Projek itu yang dikendalikan oleh Ekran Berhad siap 12 bulan lebih awal berbanding jadual asal selama 30 bulan.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Pengerusi Eksekutif Ekran Tan Sri Ting Pek Khiing berkata Dr Mahathir kagum dengan lapangan terbang baru itu, yang dijangka beroperasi sepenuhnya mulai 15 Jun ini.

"Beliau (Dr Mahathir) sukakannya tetapi berseloroh pembinaannya sangat pelahan dan sepatutnya siap tahun lalu," katanya.

Ting berkata terminal sepanjang 1,667-meter, yang mampu menampung 18 penerbangan masuk dan keluar setiap jam dan landasan sepanjang 2,745-meter telah diserahkan kepada Malaysia Airports Berhad dan sudahpun mula digunakan.

Bangunan baru itu yang juga boleh mengendalikan antara 800 dan 1,200 penumpang pada satu-satu masa di waktu puncak, dan ia sesuai dengan status "Resort City" yang akan dicapai oleh Miri pada 2005 dengan pesawat Boeing 747 dan Airbus 330 boleh mendarat di situ.

Ia empat kali ganda saiz terminal lama yang akan dirobohkan untuk membina laluan masuk utama, kata Ting.

Ekran, kontraktor utama, memulakan kerja-kerja pada 10 Nov, 2001 selepas ia ditawarkan projek itu oleh Malaysia Airports Berhad.

Ia sepatutnya siap pada Mei tahun depan.

-- BERNAMA

CJ MFJ PR